

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XII)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA  
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

13. Sila senaraikan lokasi, keluasan dan nilai tanah milik Government-Linked Company (GLC) dan Kerajaan Negeri yang telah dijual sejak 2010 oleh Kerajaan Negeri.
- (a) Dalam pendapatan akaun, di manakah hasil jualan tanah ini dimasukkan? Sila jelaskan.
- (b) Berapa banyakkah hasil Kerajaan Negeri berkaitan bayaran tukar syarat tanah untuk tahun 2010-2019?

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

13. Tanah kerajaan adalah tanah yang tidak dikeluarkan hak milik. Tanah ini meliputi tanah yang terdapat di setiap daerah dan digunakan untuk pelbagai tujuan seperti tapak pejabat, tapak kuarters, simpanan jalan, simpanan parit, kawasan lapang, kawasan tadahan air dan sebagainya. Tanah kerajaan juga boleh diwujudkan akibat daripada pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, perampasan tanah akibat pelanggaran syarat atau kegagalan membayar cukai tanah, perkembalian tanah kepada kerajaan dan penyerahan tanah milik kepada kerajaan bagi tujuan awam.
- (a) Kerajaan Negeri di bawah Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 tidak menjual tanah kerajaan tetapi sebaliknya melupuskan tanah kerajaan di antara lain melalui pemberimilikan dengan dikenakan bayaran premium yang bersesuaian. Penentuan premium adalah berdasarkan penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH). Perincian bagi setiap tanah

kerajaan tidak dapat diberikan memandangkan bilangannya yang terlalu banyak, rumit dan berubah-ubah.

Secara umumnya, pelupusan tanah kerajaan kepada pihak-pihak yang memohon adalah seperti berikut:

(i) Agensi Kerajaan

- (1) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
- PDC merupakan agensi kerajaan yang banyak mendapat tanah kerajaan yang dilupuskan secara pemberimilikan. Majoriti tanah kerajaan yang dilupuskan kepada PDC adalah tanah pengambilan di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. Tapak ini diberimilik kepada PDC dengan dikenakan bayaran premium nominal dan bayaran khas (berdasarkan kiraan cukai tanah tertunggak). Pelupusan tanah kerajaan kepada PDC adalah bagi tujuan:

- Perindustrian  
Setelah mendapat pemberimilikan tanah kerajaan bagi tujuan perindustrian, PDC akan membangunkan tapak tersebut dan kemudiannya dijual kepada pihak industri bagi tempoh pajakan 60 tahun.
- Perumahan/Perniagaan  
PDC akan membangunkan tapak yang dilupuskan bagi tujuan perumahan/perniagaan dan kemudiannya dijual kepada pembeli.

Tapak yang diberimilik kepada PDC adalah bagi tujuan perindustrian, komersial dan perumahan dan dipindah milik kepada pelabur atau syarikat yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Pemberimilikan tersebut termasuk IKEA, Design Village dan pembangunan bercampur di Bayan Mutiara. Jumlah yang terlibat sejak 2010 hingga sekarang adalah berjumlah 14 lot dan telah dipindah milik daripada PDC kepada pembeli-pembeli yang diluluskan.

- (2) Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI)  
CMI merupakan agensi kerajaan yang memiliki tanah bagi tujuan mendapatkan pulangan yang maksimum kepada Kerajaan Negeri. Tanah yang dimiliki oleh CMI ini digunakan bagi tujuan kediaman, tempat letak kenderaan, tapak menara telekomunikasi, taman awam dan perniagaan.
- (3) Agensi-agensi kerajaan lain  
Pemberimanilikan kepada agensi-agensi kerajaan lain seperti Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Lembaga Wakaf Hindu dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) adalah bagi pelbagai tujuan seperti tapak rumah ibadat, tapak kubur, kemudahan utiliti dan sebagainya.
- (b) Syarikat swasta, pertubuhan berdaftar dan orang persendirian  
Pelupusan tanah kerajaan di bawah KTN adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Seksyen 43, KTN berkait dengan kelayakan pihak yang mana tanah boleh dilupuskan meliputi syarikat swasta, pertubuhan berdaftar dan orang perseorangan. Pelupusan tanah kerajaan kepada entiti ini adalah untuk pelbagai tujuan termasuk perindustrian, komersial, perumahan dan pertanian. Tanah kerajaan ini dilupuskan dengan dikenakan bayaran premium berdasarkan harga pasaran yang ditentukan oleh JPPH.

Terdapat keadaan yang mana tanah kerajaan sebahagian besarnya dilupuskan kepada pemegang Lesen Pendudukan Sementara (LPS) bagi tujuan kediaman. Pelupusan ini terjadi mengambil kira keadaan pemegang LPS ini yang telah lama diberikan LPS bagi tujuan kediaman.

- (i) Hasil jualan tanah ini dimasukkan ke dalam akaun kod 73606 (Premium Tanah-Hasil Jualan Tanah) dan hasil ini dikreditkan kepada Akaun Hasil Kerajaan Negeri di bawah kategori Hasil Bukan Cukai.

- (ii) Hasil Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkaitan bayaran tukar syarat tanah (Kod 73601: Premium Tanah-Tukar syarat) bagi tahun 2010-2019 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH HASIL (RM)</b>
2010	19,941,768.34
2011	16,796,772.89
2012	46,666,888.42
2013	46,572,221.02
2014	46,617,500.51
2015	65,385,183.13
2016	54,286,439.11
2017	28,861,408.73
2018	70,702,541.75
2019	13,882,669.56
<b>JUMLAH</b>	<b>409,713,393.46</b>